

KAJIAN MENGENAI MINAT BERNIAGA DIKALANGAN  
BELIA BUMIPUTRA, PENGKHUSUSAN TERHADAP PENUNTUT-PENUNTUT  
SEKOLAH MENENGAH DI DAERAH KELANG,  
SELANGOR.

DISEDIAKAN OLEH:

JALANI OMAR	K/P ITM 83434555
WAN SHAHARUDIN WAN DAHALAN	K/P ITM 83548612
JUPERI NAWAWI	K/P ITM 83507064
ZULKIFLI MOKHTAR	K/P ITM 83300606
ROSLI IBRAHIM	K/P ITM 83591078
MOHD. FARID ABD. RAHMAN	K/P ITM 83415469
KAMARULZAMAN OMAR	K/P ITM 83010018

DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN  
(MAJOR IN MARKETING)  
KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM  
SELANGOR.

## PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi 'Terima Kasih' dan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sepenuh kerjasama, nasihat-nasihat yang berguna dan maklumat-maklumat penting kepada kami dalam usaha melaksanakan projek ini. Tanpa bantuan dan bimbingan mereka ini, kami mungkin tidak dapat menyempurnakan projek sepertimana yang ada ini.

Setinggi-tinggi penghargaan disampaikan kepada:

1. Cik Norsidah bt Ahmad  
Penasihat Projek  
MEDEC, ITM,  
Shah Alam.
2. Puan Faezah bt Hj. Abd. Rahim  
Pensyarah Business Research  
ITM, Shah Alam.
3. Mr. Lau Too Kya  
Pensyarah Statistik  
ITM, Shah Alam.
4. Encik Wan Mohd. Fauzi  
Pusat Komputer  
ITM, Shah Alam.
5. Guru Besar-Guru Besar daerah Kelang
  - (a) Sekolah Menengah Convent
  - (b) Sekolah Menengah La Salle

- (c) Sekolah Menengah Bukit Kuda
- (d) Sekolah Menengah Tunku Ampuan Rahimah
- (e) Sekolah Menengah Idris Shah, Kapar
- (f) Sekolah Menengah Meru
- (g) Kolej Islam Kelang

6. Ahli-ahli kumpulan "Business Research 'II'" yang bekerjasama dengan penuh dedikasi.

## PENDAHULUAN

Sejak pelaksanaan DEB pada tahun 1970, keadaan dan kedudukan ekonomi kaum bumiputera agak terjamin walaubagaimanapun sehingga kini kedudukan tersebut masih belum boleh dibanggakan lagi. Sejauh ini penyertaan dan pencapaian bumiputera dalam sektor ekonomi masih belum mencapai 20%. Sungguhpun jangkamasa yang diperuntukkan untuk rancangan DEB ini panjang iaitu 20 tahun, namun sehingga kini kejayaannya dalam memainkan peranannya masih boleh dipertikaikan. Demikian dinyatakan oleh Naib Presiden UMNO dipersamian ceramah penerangan anjuran UMNO Bukit Bintang.<sup>1</sup> Beliau seterusnya menyatakan bahawa pencapaian yang kurang menggalakkan ini antara yang menjadi puncanya ialah kerana kurangnya minat dan kemahuan di kalangan beliau bumiputera sendiri untuk menceburkan diri mereka dalam aktiviti-aktiviti ekonomi terutamanya disektor perniagaan. Tapi samada benar atau tidak bahawa minat menjadi punca utama masih belum dapat ditentukan lagi.

.....Awang Bakir dalam artikelnya yang bertajuk 'Ramai beliau-belia Kemaman menceburi bidang perniagaan' menyatakan bahawa beliau-belia haruslah menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Beliau seterusnya menyatakan minat memainkan peranan penting dalam

---

<sup>1</sup> Utusan Malaysia, 27hb. Jan. 1986

kejayaan seseorang dan ianya haruslah dipupuk sejak dari dalam remaja.<sup>2</sup>

Ekoran dari kenyataan diatas satu kajiselidik telah dijalankan untuk membuktikan samada minat memainkan peranan yang penting dalam menentukan penglibatan belia bumiputera khususnya terhadap penuntut-penuntut sekolah di sektor perniagaan.

---

<sup>2</sup> Awang Bakir, 'Ramai Belia-Belia Kemaman menceburi bidang perniagaan' Puspaniaga, Mac, 1978